

**TEKS UCAPAN  
Y.B. TUAN BARU BIAN  
MENTERI KERJA RAYA**

**KEMPEN ADVOKASI KESELAMATAN  
LEBUH RAYA SEMPENA SAMBUTAN  
PERAYAAN TAHUN BARU CINA 2019**

**29 JANUARI 2019  
PLAZA TOL GOMBAK  
LEBUHRAYA KUALA LUMPUR - KARAK**

---

Salutasi ***\*\*tertakluk kepada jemputan VIP:***

**Yang Berbahagia Dato' Dr. Syed Omar Sharifuddin Bin Syed Ikhwan**

Ketua Setiausaha Kementerian Kerja Raya

**Yang Berbahagia Dato' Sr. Aziz Bin Abdullah**

Ketua Pengarah Lembaga Lebuhraya Malaysia

**Yang Berbahagia En. Sazally Saidi**

Yang DiPertua Persatuan Syarikat-Syarikat Konsesi Lebuhraya Malaysia (PSKLM)

Dif-dif kehormat, wakil-wakil syarikat konsesi lebuhraya, rakan- rakan media, tuan tuan dan puan puan hadirin yang dihormati sekalian

Selamat Pagi dan Salam Sejahtera.

Terlebih dahulu, saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada pihak Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) serta Persatuan Syarikat-Syarikat Konsesi Lebuhraya Malaysia (PSKLM) kerana sudi menjemput saya untuk melancarkan

**Kempen Advokasi Keselamatan Lebuhraya Sempena Sambutan Tahun Baru Cina 2019** pada hari yang cukup bermakna ini.

## **STATISTIK SAMAN YANG DIKELUARKAN DAN JUMLAH KEMALANGAN**

Hadirin yang saya hormati sekalian,

1. Perayaan Tahun Baru Cina bakal disambut tidak lama lagi. Sebagaimana lazimnya, perayaan ini sentiasa dinanti-nantikan bukan sahaja oleh masyarakat Cina tetapi juga seluruh masyarakat berbilang bangsa di Malaysia. Bagi masyarakat Cina, pastinya akan pulang ke kampung halaman untuk menyambut tahun baru bersama keluarga tersayang. Masyarakat Malaysia juga tidak terkecuali untuk memanfaatkan cuti ini sebaiknya untuk pulang menziarahi keluarga di kampung halaman atau bercuti ke pelbagai destinasi pelancongan dalam Negara.
2. Sambutan perayaan-perayaan utama di Malaysia begitu sinonim dengan tragedi kemalangan yang terus menghantui kita semua selaku pengguna. Daripada kajian MIROS 85% kemalangan jalan raya adalah disebabkan kecuaian pemanduan yang tidak berhemah. Sikap pemandu yang enggan mematuhi peraturan serta undang-undang jalan raya terus menjadi perbahasan utama terutamanya ketika musim perayaan. Ini seterusnya dapat dibuktikan melalui statistik jumlah saman yang dikeluarkan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ), sebanyak 385,547 saman telah dikeluarkan ketika Ops Selamat Tahun Baru Cina 12 Tahun 2018 atas pelbagai bentuk kesalahan seperti memandu di lorong kecemasan, memotong barisan, memandu melebihi had laju, memotong garisan kembar, tidak mematuhi lampu isyarat dan menggunakan alat komunikasi ketika memandu. Jumlah ini menunjukkan peningkatan berbanding Ops Selamat 10 Tahun 2017 di mana

sebanyak 255,392 saman telah dikeluarkan atas kesalahan-kesalahan yang sama.

3. Di samping itu, dalam tempoh yang sama, statistik kemalangan turut mencatatkan peningkatan sebanyak 1.4 peratus - iaitu 21,041 kes berbanding 20,752 kes pada tahun 2017. Walau bagaimanapun, statistik kemalangan maut merekodkan penurunan sebanyak 19 peratus – iaitu 208 kes berbanding 257 kes ketika Ops Selamat ke 10 tahun 2017. Manakala kemalangan di lebuh raya pula pada Ops Selamat ke 12 tahun 2018 mencatatkan jumlah kemalangan sebanyak 825 kes berkurangan sebanyak 33% berbanding pada tahun 2017 iaitu sebanyak 1222 kes manakala jumlah kematian juga berkurangan sebanyak 21 % dari 28 kes kepada 22 kes untuk Ops Selamat ke 12 tahun 2018.
4. Penurunan jumlah kemalangan maut ini diharap dapat menjadi satu titik tolak yang positif bagi menggambarkan keberhasilan dan impak kempen-kempen yang telah dijalankan oleh semua pihak. Justeru, marilah kita bersama-sama berdoa agar *trend* penurunan statistik kemalangan maut ini dapat dikekalkan sebaik mungkin. Saya yakin dan percaya bahawa ini bukanlah satu yang mustahil untuk dicapai tetapi ianya menuntut penglibatan pragmatik dan signifikan daripada semua pihak yang terlibat bagi merealisasikannya.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

5. Trend penurunan juga dapat dilihat dari segi jumlah kematian dari 226 kes pada tahun 2018 berbanding 257 kes pada tahun sebelumnya, begitu juga kematian yang berlaku di lebuh raya sebanyak 22 kes berbanding 28 kes. Walau bagaimanapun, situasi ini sangat membimbangkan oleh kerana saban

tahun, pengguna motosikal terus menjadi sebagai mangsa utama yang terkorban. Berdasarkan data kemalangan JKJR, kumpulan umur dari 16 tahun sehingga 25 tahun merupakan kumpulan terbesar yang terlibat di dalam kemalangan maut melibatkan motosikal. Di sini, kita dapat lihat bahawasanya penunggang dan pembonceng motosikal masih lagi menjadi kumpulan pengguna jalan raya yang paling terdedah dan paling berisiko tinggi terlibat dalam kes kemalangan jalan raya.

6. Justeru, saya menyeru kepada semua pihak terbabit agar memberikan fokus dalam bentuk intervensi khusus kepada golongan muda yang menunggang motosikal di mana mereka merupakan aset kepada Negara dan jika langkah segera tidak diambil, saya yakin dan percaya kita akan terus kehilangan tenaga kerja dan sumber manusia yang paling dinamik untuk pembangunan Negara.

## **TANGGUNGJAWAB DAN SIKAP PENGGUNA JALAN RAYA / LEBUH RAYA**

Hadirin sekalian,

7. Walau bagaimanapun, segala usaha pembangunan infrastruktur selamat, langkah-langkah pencegahan kemalangan atau langkah intervensi yang dijalankan oleh Kerajaan tidak akan berjaya mencapai sasaran sekiranya tiada sokongan dan komitmen daripada pengguna. Ini kerana daripada analisa yang telah dirumuskan sebelum ini, faktor penyumbang terbesar kemalangan jalan raya atau lebuhraya, ialah manusia, iaitu melebihi daripada 80 peratus.
8. Bagi membendung masalah ini, sebagai langkah proaktif, pihak kerajaan akan mengenakan tindakan yang lebih tegas kepada pengguna jalan raya yang

didapati mengulangi kesalahan yang sama. Selain itu juga, pihak KKR turut menyokong penuh usaha PDRM untuk mengenakan saman serta merta RM300 kepada pemandu yang didapati melakukan enam kesalahan utama sepanjang Ops Selamat Ke-14 yang akan dijalankan sempena Tahun Baru Cina tahun ini. Enam kesalahan utama itu adalah memandu di lorong kecemasan, melebihi had laju, memotong garisan, memotong garisan berkembar, tidak mematuhi lampu isyarat dan menggunakan telefon ketika memandu.

9. Kini, sudah tiba masanya kita sebagai rakyat Malaysia memainkan peranan yang lebih proaktif dan lebih rasa bertanggungjawab terhadap diri sendiri dan pengguna jalan raya yang lain. Kita perlu bertanya pada diri sendiri: "apakah sumbangan saya terhadap keselamatan jalan raya?" Hanya kita sebagai individu dapat menjawab soalan ini.

#### **KOMITMEN KEMENTERIAN KERJA RAYA TERHADAP PEMBANGUNAN INFRASTRUKTUR YANG SELAMAT UNTUK PENGGUNA LEBUH RAYA**

Para hadirin yang dihormati sekalian,

10. Justeru sebagai usaha untuk mengurangkan jumlah statistik kemalangan yang direkodkan sebelum ini, KKR antara lainnya, telah meletakkan pembaikan kawasan yang kerap berlaku kemalangan atau *blackspot* sebagai salah satu daripada *Key Performance Indicator (KPI)*. Ini dibuktikan dengan perbelanjaan sebanyak RM 1.3 Juta bagi pelaksanaan kerja kerja pembaikan 10 lokasi *blackspot* di lebuh raya yang kerap berlaku kemalangan pada tahun 2018. Penambahbaikan yang dijalankan ini telah berjaya mengurangkan kemalangan sebanyak 54% kemalangan di lokasi berkenaan.

11. Di samping itu, syarikat – syarikat konsesi turut komited dalam menaik taraf lebuh raya masing - masing dan meningkatkan ciri-ciri keselamatan seperti menukar penghadang jambatan dan rel adang kepada yang lebih selamat, penggunaan turapan jenis ‘*micro surfacing*’, ‘*porous asphalt*’, penambahan peralatan ‘*safety measure*’ seperti pemasangan papan tanda LED, ‘*flashing amber*’, ‘*transverse bar*’ , ‘*rolling barrier*’ dan banyak lagi.

## **PENINGKATAN BILANGAN TRAFIK DAN KENDERAAN DI MUSIM PERAYAAN**

Para hadirin yang saya hormati sekalian,

12. Bagi musim sambutan perayaan Tahun Baru Cina tahun ini, kita menjangkakan berlaku kesesakan di beberapa lokasi tertentu disebabkan oleh pertambahan kenderaan di jalan raya.
13. Justeru, bagi menampung pertambahan jumlah trafik yang tinggi ini, LLM dan PDRM dengan kerjasama syarikat-syarikat konsesi lebuh raya seluruh negara telah bersedia untuk membantu pengguna dengan langkah-langkah proaktif dalam melancarkan aliran trafik dan memastikan keselamatan mereka sewaktu musim perayaan nanti. Antaranya:
  - Menyediakan maklumat cadangan nasihat perjalanan kepada pengguna Lebuhraya Utara – Selatan dan Lebuhraya Pantai Timur.
  - Menempatkan anggota pasukan PDRM dan RELA di kawasan lalulintas di plaza tol dan kawasan Rehat & Rawat (R&R) untuk tujuan kawalan trafik dan keselamatan;
  - Mengaktifkan laluan *contra flow* di beberapa lokasi lebuh raya yang sesak dengan kerjasama Polis Di Raja Malaysia (PDRM);
  - Menempatkan kren dan kembalik (*tow-truck*) di lokasi-lokasi strategik bagi proses pemindahan kenderaan yang rosak dan yang terlibat dengan kemalangan; dan

- Menyediakan 1426 orang pasukan tindakan kecemasan terdiri dari pasukan Bomba, Ambulans, JPAM, St John Ambulans, petugas trafik, petugas tol di kawasan rehat dan rawat yang terpilih.
14. Pengguna dinasihatkan untuk mendapatkan maklumat trafik terkini daripada pusat pengurusan trafik TMC LLM yang akan beroperasi 24 jam sehari untuk perancangan perjalanan. Maklumat mengenai perkembangan trafik terkini di semua kawasan yang terlibat akan disampaikan kepada pengguna bagi membolehkan mereka membuat pilihan perjalanan yang lebih strategik.

## **ARAHAN HENTI KERJA DAN LARANGAN PENGGUNAAN KENDERAAN BERAT**

Untuk makluman hadirin yang dihormati,

15. Di samping daripada inisiatif yang bakal dijalankan pihak LLM, PDRM dan konsesi, Kerajaan juga telah mengeluarkan arahan henti kerja (*stop work order*) di lebuh raya kecuali melibatkan kerja - kerja kecemasan sahaja untuk tempoh 15 hari iaitu bermula dari 29 januari sehingga 12 Februari. Langkah ini dapat mengurangkan kesesakan di lebuh raya yang disebabkan oleh kerja-kerja pembinaan dan penyenggaraan melibatkan laluan utama.
16. Pada masa yang sama juga, pelaksanaan larangan penggunaan kenderaan berat di jalan dan lebuh raya akan dikuatkuasakan oleh pihak Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) selama 5 hari iaitu pada 2 hingga 4 Februari sebelum, juga 9 dan 10 selepas perayaan, kerana dijangka akan berlaku peningkatan trafik pada hari-hari tersebut.

## **DISKAUN TOL SEMPENA MUSIM PERAYAAN SAMBUTAN TAHUN BARU CINA 2019**

Hadirin dan hadirat sekalian,

17. Saban tahun, syarikat-syarikat konsesi lebuh raya turut memainkan peranan ketika musim perayaan dengan menawarkan diskaun tol kepada pengguna-pengguna lebuh raya sebagai salah satu insentif istimewa. Alhamdulillah, sempena dengan musim perayaan sambutan Tahun Baru Cina ini, sebanyak 26 buah syarikat konsesi lebuh raya akan menawarkan insentif tersebut kepada pengguna dalam bentuk diskaun dalam memenuhi obligasi tanggungjawab korporat sosial (CSR) mereka terhadap pengguna.
18. Melalui insentif ini, saya percaya pengguna akan turut merasa dihargai oleh syarikat konsesi yang kerap menggunakan lebuh raya mereka. Rata-rata 26 buah syarikat konsesi lebuh raya akan menawarkan diskaun tol pada kadar 10% - 30% (*untuk kenderaan kelas 1*) pada 5 Februari 2019.
19. PLUS Malaysia Berhad yang mengendalikan enam (6) lebuh raya pula akan menawarkan diskaun tol sebanyak 10% kepada pengguna-pengguna kenderaan Kelas 1 yang membuat Bayaran Tol Secara Elektronik (ETC) manakala pengendali Lebuhraya Kuala Lumpur - Karak (KLK) dan Lebuhraya Pantai Timur Fasa 1 (LPT 1), ANIH Berhad turut menawarkan diskaun tol 10% kepada pengguna kenderaan Kelas 1 pada 5 Februari 2019.

## **HARAPAN DAN UCAPAN SELAMAT MENYAMBUT TAHUN BARU CINA 2019**

Hadirin yang saya hormati sekalian,

20. Besarlah harapan saya dan Kerajaan sekiranya kita mampu membuat perubahan dan menjadikan jalan raya dan lebuh raya kita tempat yang selamat, apabila pengguna masing-masing faham akan tanggungjawab mereka dan mengamalkan sikap pemanduan yang berhemah. Sikap pengguna jalan raya dan lebuh raya yang prihatin akan dapat mengurangkan kadar kemalangan dan kita semua dapat menyambut perayaan Tahun Baru Cina dalam keriangan dan bukannya tangisan.
21. Saya juga mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih dan selamat menyambut Tahun Baru Cina kepada semua jemputan yang hadir pada Majlis Pelancaran Kempen Advokasi ini. Semoga mereka yang ingin pulang ke kampung halaman masing-masing selamat tiba di destinasi yang dituju. Sekali lagi saya mengucapkan terima kasih kepada LLM, PSKLM, PDRM dan agensi awam dan swasta yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam menjayakan kempen keselamatan ini.

## **PENUTUP**

22. Mengambil kesempatan pada majlis ini, KKR dengan kerjasama LLM dan PSKLM sebentar lagi akan melancarkan viral video pendek untuk membuka

hati dan minda kita sebagai pengguna dalam memahami kepentingan etika dan sopan santun ketika menggunakan lebuh raya.

23. Selaras dengan tema #respeklabro yang telah diperkenalkan oleh LLm dan PSKLM sejak 3 tahun lepas, pelancaran video ini juga turut bertujuan untuk menyampaikam mesej penting dalam mendidik pengguna untuk mengelak dan mengurangkan lagi jumlah kecelakaan yang sering berlaku pada musim perayaan.
24. Video pendek ini sebenarnya mengisahkan seorang ahli perniagaan yang terlalu berfikiran negatif khususnya ketika menggunakan lebuh raya. Baginya, semua benda di lebuh raya adalah salah. Namun, apabila insiden menimpanya ketika menggunakan lebuh raya, barulah membuka mata dan mindanya mengenai kelebihan dan peranan lebuh raya membantu pengguna dalam memudahkan perjalanan.
25. Mesej daripada video ini diharap dapat membuka hati dan minda serta boleh menjadi pencetus tambahan ke arah menyedarkan kita semua sebagai pengguna lebuh raya supaya sentiasa tertib. Kesedaran tentang peraturan lalu lintas dan ketertiban di lebuh raya perlu berlaku tanpa paksaan pihak penguatkuasa. Ia perlu berlaku dalam keadaan semula jadi, dengan penuh kesedaran pemandu.
26. Akhir kata, saya dengan sukacitanya melancarkan **Kempen Advokasi Keselamatan Lebuh Raya Sempena Sambutan Perayaan Tahun Baru Cina 2019** ini.

-TAMAT-